

Muhyiddin Diberi Sambutan Luar Biasa Di Pulau Pinang
Bernama
26 April , 2012

GEORGE TOWN, 26 April (Bernama) -- Lawatan kerja Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin ke Pulau Pinang pada Khamis mendapat sambutan luar jangkauan apabila orang ramai sentiasa membanjiri tempat-tempat yang dikunjunginya.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran memulakan aturcaranya dengan mengadakan perjumpaan dan dialog bersama lebih 4,000 penjawat awam persekutuan dan 2,000 belia di negeri ini di Universiti Sains Malaysia (USM), di sini.

Walaupun terdapat cubaan mengagalkan majlis Kenduri Rakyat 1Malaysia di Persiaran Mahsuri di Bayan Baru oleh pihak tertentu namun kehadiran lebih 10,000 orang pada majlis itu membuktikan rakyat Pulau Pinang mahu berjumpa dan mendengar amanat pemimpin negara itu.

Timbalan Perdana Menteri itu dalam ucapannya berkata, jumlah pengunjung yang datang pada majlis itu adalah yang teramai bagi majlis Kenduri Rakyat 1Malaysia yang pernah diadakan di seluruh negara.

"Orang ramai semakin bertambah (hadir ke kenduri itu) dan ini menunjukkan reaksi positif penduduk negeri terhadap program-program yang dianjurkan BN (Barisan Nasional)," katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung yang ditemui Mohd Razali Abdul Rahman, 41, berkata beliau mengambil cuti hari ini bagi menghadiri Kenduri Rakyat 1Malaysia untuk melihat Timbalan Perdana Menteri dengan lebih dekat.

"Selain datang untuk makan, saya juga datang untuk mendengar amanat Timbalan Perdana Menteri kepada penduduk Pulau Pinang terutama di kawasan Bayan Lepas," katanya.

Pada majlis My Carnival NGO 1Malaysia anjuran Persatuan Kemajuan Insan Malaysia (Kesan) di Politeknik Seberang Perai di Permatang Pauh dekat sini, lebih 10,000 orang membanjiri padang politeknik itu bagi mendengar ucapan perasmian oleh Muhyiddin.

Pada majlis itu juga, beliau melancarkan lagu ciptaan komposer Datuk Wah Idris "U I Believe" manakala lebih 2,000 kanak-kanak tadika mengambil bahagian dalam pertandingan melukis dan mewarna.

Pada majlis Sepetang Bersama Penduduk Parlimen Batu Kawan di sini, lebih 10,000 penduduk dari kawasan perkampungan Juru menghadiri majlis itu untuk menatap wajah pemimpin nombor dua negara itu dari dekat.

Zaharah Ismail, 50, yang tinggal di Kampung Juru berkata kedatangan Timbalan Perdana Menteri memang dinanti-nantikan penduduk di kawasan Parliman Batu Kawan.

"Sejak tahu Timbalan Perdana Menteri nak mai (datang) sini, kami penduduk di sini sangat gembira dan kami berharap BN dapat ambil balik Parlimen Batu Kawan," katanya.

Dalam ucapannya, Muhyiddin berkata kehadiran hampir 40,000 orang dalam empat majlis yang dihidanginya sempena lawatan kerja di Pulau Pinang menunjukkan sokongan rakyat di negeri ini terhadap BN semakin meningkat.

"Rakyat sudah sedar masa depan mereka lebih baik dengan BN dan saya rasa bangga walaupun Pulau Pinang bukan ditadbir oleh BN tetapi kita terus bagi pertolongan dan bantuan sama seperti rakyat di negeri lain.

"Dasar BN ialah membantu setiap rakyat tanpa mengira kaum dan agama serta fahaman politik," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662113>